

Dari Mahkamah
Syariah



Mentua layan menantu seperti amah

FARAH sugul mengenangkan dirinya
yang dilayan seperti orang gaji di
rumah mentua. – GAMBAR HIASAN



RAMAI orang kata, rumah tangga pasangan suami isteri pilihan keluarga dapat bertahan dan kekal bahagia hingga ke akhir hayat.

Namun, sebaliknya berlaku kepada Farah (bukan nama sebenar) apabila dia terpaksa melalui episod duka dalam hidup selepas mendirikan rumah tangga dengan suaminya yang dikenali sebagai Khairul.

Ibu bapa Farah mula mencarikan calon suami buatnya selepas dia tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Dia memperoleh keputusan kurang memuaskan dalam SPM, sekali gus menyukarkannya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi.

Sebagai seorang gadis solehah, Farah yang ketika itu berusia 18 tahun menurut sahaja kehendak kedua-dua ibu bapanya.

Pada suatu hari, rumahnya didatangi oleh beberapa tetamu yang datang dengan kereta mewah bertujuan untuk merisikinya.

Farah memaklumkan, rombongan tersebut bertujuan menyatukan dirinya dengan Khairul yang juga merupakan anak tunggal kepada kenalan rapat kedua-dua ibu bapanya.

Untuk miakluman, Khairul yang ketika itu berusia 26 tahun tidak mempunyai pekerjaan tetap.

Bagaimanapun, dia menikmati hidup selesa kerana segalanya ditanggung oleh kedua-dua orang tuanya.

"Pada mulanya, saya memang tidak setuju untuk dijodohkan dengan Khairul. Dia bukan saja tiada kerja tetap, rupa dan sikapnya pun saya tidak tahu. Macam mana ingin hidup bersama sepanjang hayat?"

"Hati saya mula terbuka menerima Khairul selepas termakan pujukan ibu. Ibu memaklumkan, bakal suami saya anak orang senang. Jadi, masa depan saya pasti terjamin," ujarnya ketika ditemu bual K2 baru-baru ini.

Selepas mendirikan rumah tangga,



DISEBABKAN baju kurung yang digosok rosak, Farah dimarahi dan dipukul ibu mentuannya.

— GAMBAR HIASAN

Farah dibawa tinggal bersama Khairul sekeluarga di Pulau Pinang. Justeru, dia terpaksa tinggal berjauhan dengan keluarganya di Kedah.

Menurutnya, selepas berkahwin, dia banyak menghabiskan masa seorang diri di rumah memandangkan kedua-dua ibu bapa mentuannya bekerja dan Khairul sering keluar melepak bersama rakan-rakan.

"Tugas saya di rumah mentua adalah memasak, membasuh serta memastikan kediaman berada dalam keadaan bersih. Saya tiada masalah untuk melakukannya kerana telah dilatih oleh ibu sejak kecil.

"Kalau kerja semua sudah habis, saya menonton televisyen atau tidur. Kehidupan saya pada lima bulan pertama perkahwinan boleh dikatakan indah dan lancar," terangnya lagi.

Namun, selepas setahun mendirikan rumah tangga, Farah mula merasai



Saya mengaku ada ketikanya hidangan yang dimasak itu tidak seperti diharapkan, tetapi saya tidak sepatutnya dimarahi seperti seorang tidak bermaruah."

tekanan apabila ibu mentuannya mula meninggikan suara serta menengkingnya setiap kali melakukan kesalahan.

Ujarnya, ada ketika hidangan dimasaknya terlebih masin sehingga mengundang kemarahan ibu mentuannya yang terkenal dengan suara yang agak lantang.

"Setiap kali dimarahi ibu mentua, saya pasti menangis dan mula

mengenang nasib diri.

"Saya selalu tertanya-tanya sama ada saya ini seorang menantu atau orang gaji di rumah itu.

"Saya mengaku ada ketikanya hidangan yang dimasak itu tidak seperti diharapkan, tetapi saya tidak sepatutnya dimarahi seperti seorang tidak bermaruah," ceritanya.

Kesengsaraan yang dialami Farah dipendam agak lama daripada pengetahuan keluarganya.

Sehinggalah pada satu hari, dia nekad untuk lari dari rumah mentuannya kerana selain dimarahi, ibu mentuannya bertindak memukulnya.

Menurut Farah, ibu mentuannya naik angin selepas dia secara tidak sengaja merosakkan sepasang baju kurung yang digosoknya.

Katanya, ibu mentua memintanya menggosok pakaian tersebut untuk ke majlis kenduri, sebelum dia melakukan sedikit kesalahan sehingga menyebabkan kainnya terbakar.

Ujarnya lagi, dia jarang menggosok kain satin seperti itu dan tidak tahu ia tidak perlu menggunakan suhu terlalu panas.

"Apabila kainnya terbakar, ibu mentua naik angin dan mula memukul termasuk menampar muka saya.

"Disebabkan itu, saya terus kemas barang dan membawa diri pulang ke kampung di Kedah dengan menaiki bas.

"Saya menceritakan segala yang berlaku kepada keluarga sepanjang tinggal bersama mentua. Mujurlah, keluarga memahami dan mahu saya segera berpisah dengan Khairul," katanya.

Jelas Farah, bapanya kemudian menghubungi Khairul supaya melepaskannyanya secara baik. Ia dipersetujui oleh Khairul sebelum melafazkan cerai di mahkamah syariah.

Farah berasa sangat bersyukur dapat berpisah dengan Khairul dan tidak perlu tinggal bersama mentua yang melayaninya seperti orang gaji.